

VENTAMOL EXPECTORANT

Salbutamol/Guaiphenesin Expectorant (1.2 mg/50 mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ventamol Expectorant
2. Bagaimana Ventamol Expectorant berfungsi
3. Sebelum mengambil Ventamol Expectorant
4. Cara menggunakan Ventamol Expectorant
5. Semasa menggunakan Ventamol Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ventamol Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ventamol Expectorant

Ventamol Expectorant mengandungi:

- Salbutamol yang berfungsi untuk melegakan kesesakan dada dan berdehit supaya lebih mudah bernafas.
- Guaifenesin berfungsi untuk mengurangkan kelikatan kahak tebal

Bagaimana Ventamol Expectorant berfungsi

- salbutamol tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai bronkodilator yang bertindak membuka saluran udara paru-paru supaya udara lebih mudah masuk keluar. Ini akan membantu melegakan kesesakan dada, berdehit dan batuk-batuk.
- guaifenesin ialah sejenis ekspektoran yang bertindak dengan meningkatkan penghasilan cecair pernafasan, penipisan dan memudahkan penyingkiran lendir.

Sebelum mengambil Ventamol Expectorant

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah pada salbutamol atau guaifenesin, ataupun mana-mana bahan kandungan Ventamol Expectorant.

- anda mengambil ubat jantung jenis penyekat beta seperti propranolol.

- Sebelum mengambil Ventamol Expectorant

Beritahu doktor jika:

- anda mempunyai masalah tekanan darah tinggi atau kencing manis.
- anda mempunyai masalah tiroid.
- anda pernah mengalami masalah jantung
- anda menyusukan bayi, atau bercadang untuk menyusu.
- anda hamil, rasa anda hamil, atau bercadang untuk hamil.
- anda mengambil apa-apa ubat termasuk yang dibeli tanpa preskripsi, herba ataupun ubat tradisional.
- anda alah kepada mana-mana ubat lain, bahan makanan, pewarna atau pengawet

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh mengganggu fungsi Ventamol Expectorant.

Ia termasuk:

- ubat asma seperti aminophylline or theophylline
- ubat jantung jenis penyekat beta seperti propranolol
- kortikosteroid pada dos yang tinggi seperti prednisolone

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Ventamol Expectorant

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menentukan dos yang anda perlu ambil berdasarkan keterukan keadaan anda. Ambil ubat ini dalam dos yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Dewasa

Dos biasa ialah 10 – 20 ml dua hingga tiga kali sehari.

- Kanak-kanak (umur 7 - 12 tahun)
- Dos biasa ialah 10 ml dua kali sehari.

- Kanak-kanak (umur sehingga 6 tahun)

Dos biasa ialah 5 – 10 ml dua kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Goncang botol sebelum minum.

Dua hingga tiga kali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini seperti yang telah ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dos berlebihan adalah:

- jantung berdebar
- rasa gegar
- sakit dada
- letusan perasaan
- agitasi
- takikardia (kadar degupan jantung yang luar biasa)

VENTAMOL EXPECTORANT

Salbutamol/Guaiphenesin Expectorant (1.2 mg/50 mg per 5ml)

- vasodilatasi periferi (pelebaran saluran darah)
- hipokalaemia (kekurangan kalium dalam aliran darah)
- hiperglisemia (lebih glukosa dalam aliran darah)
- asidosis laktik (PH rendah dalam tisu badan)
- psikosis akut (gangguan mental)

Semasa menggunakan Ventamol Expectorant

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Beritahu doktor serta-merta sekiranya anda mengandung.
- Beritahu doktor jika anda bercadang untuk menyusu bayi anda.
- Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi
- berhenti dari mengambil ubat ini atau menukar dos yang telah ditetapkan dengan sesuka hati tanpa merujuk kepada doktor

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera kerana Ventamol Ekspektoran sehingga anda tahu bagaimana Ventamol Expectorant mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diinginkan. Kesan sampingan boleh menjadi serius.

Ini termasuk:

- Rasa gementar dan menggeletar

- Denyutan jantung yang cepat dan luar biasa
- Rasa mengantuk
- Gangguan gastrousus seperti rasa loya, cirit-birit dan sakit perut.

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Ventamol Expectorant

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.
Simpan Ventamol Expectorant di bawah suhu 25°C.
Jauhi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang tidak berwarna dengan rasa strawberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan Aktif

Setiap 5mL Ventamol Expectorant mengandungi:

Salbutamol sulphate 1.2mg
Guaifenesin 50.0mg

- Bahan-bahan Tidak Aktif

Strawberry Flavour
Syrup Simplex
Propylene Glycol

Methyl Hydroxybenzoate
Propyl Hydroxybenzoate
Glycerin
Citric Acid
Deionised Water

- Nombor MAL:

MAL19921147AZ

Pengilang

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23 Mac 2016

Number Siri

BPFK(R4/1)070915/00304